



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
(FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
ARAS 4, MENARA PRISMA
NO. 26, JALAN PERSIARAN PERDANA
PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA

Tel. : 603 - 8885 0797
Faks : 603 - 8885 0769
E-mail : fsq-division@moh.gov.my
<http://fsq.moh.gov.my>



Ruj. Kami : KKM.600-10/9/54 Jld 2 C2)
Tarikh : 15 Mac 2018

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 56, KOMTAR
10590 Pulau Pinang

Puan,

**AUDIT VERIFIKASI PREMIS PEMROSESAN UNTUK PENYENARAIAN DI
DALAM COMPLIANCE LISTING OF PROCESSING ESTABLISHMENTS FOR
EXPORT OF FISH AND FISHERY PRODUCTS TO CHINA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak puan sedia maklum, premis pemprosesan yang mengeksport ikan dan hasilan ikan ke China perlu disenaraikan di dalam *Compliance List of Processing Establishments for Export of Fish and Fishery Products* berdasarkan *Compliance Listing and Verification Protocol for Export of Fish and Fishery Products to Countries Other than European Union, Revision 1, Effective Date 15 June 2015* yang telah diedarkan kepada pihak puan sebelum ini.

3. Sehubungan itu, Bahagian ini memohon agar pihak puan dapat menjalankan audit verifikasi ke atas premis pemprosesan yang berkaitan berdasarkan kepada protokol yang dinyatakan di perenggan 2. Bersama-sama ini dilampirkan borang permohonan *Application Form For The Compliance Listing Of Processing Establishment For Export Of Fish And Fishery Products To China* daripada syarikat **Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn Bhd** untuk tindakan pihak puan selanjutnya.

4. Justeru, kerjasama daripada pihak puan dimohon untuk mengemukakan kepada Bahagian ini laporan awal audit verifikasi premis pemprosesan dalam masa **lima (5) hari bekerja** daripada tarikh audit verifikasi dijalankan. Laporan akhir audit

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO. SIJIL : AR 5643

verifikasi di premis pemprosesan perlu dikemukakan dalam tempoh **lima (5) hari bekerja** daripada tarikh penutupan semua ketidakpatuhan.

5. Sebagaimana puan sedia maklum, semua tindakan pembetulan yang diambil terhadap ketidakpatuhan yang ditemui semasa audit verifikasi dijalankan perlu ditutup dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh audit. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak premis pemprosesan gagal mengambil tindakan pembetulan terhadap ketidakpatuhan yang dikenalpasti dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh audit verifikasi, permohonan premis pemprosesan tersebut dianggap tidak berjaya.

Kerjasama dan perhatian pihak puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.


(NORRANI BINTI EKSAN)

b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia